

19 DEC 2000

Ainum-pelantikan

AINUM JANJI BERKHIDMAT DENGAN BAIK SEBAGAI PEGUAM NEGARA

KUALA LUMPUR, 19 Dis (Bernama) -- Datuk Ainum Mohd Saaid, yang hari ini dinamakan sebagai Peguam Negara yang baru, berkata beliau amat gembira dengan pelantikan itu dan akan berkhidmat dengan baik demi keadilan.

"Ia satu pelantikan menarik dan saya amat gembira," kata Ainum, wanita pertama yang dilantik sebagai Pendakwa Raya dan penasihat undang-undang kepada kerajaan berkuatkuasa 1 Jan tahun depan.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas pelantikannya diumumkan oleh Pejabat Perdana Menteri hari ini, beliau mengucapkan terima kasih kepada kerajaan dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana penghargaan itu.

"Ia satu bukti keyakinan mereka terhadap saya. Saya akan cuba sedaya upaya untuk tidak menghampakan mereka," katanya pada sidang berita di Suruhanjaya Sekuriti (SC). Beliau adalah Timbalan Ketua Eksekutif SC.

Bagi Ainum, 54, yang berasal dari Ipoh, pelantikannya sebagai Peguam Negara bermakna beliau kembali ke tempat yang beliau pernah bertugas selama 24 tahun sebelum bersara pilihan pada 1996.

Beliau kemudian menyertai Suruhanjaya Sekuriti (SC) sebagai Pengarah Bahagian Penyeliaan Pasaran dan selepas itu memasuki sektor swasta sebelum kembali ke SC tahun lepas sebagai Timbalan Ketua Eksekutif.

Ketika ditanya sama ada pelantikan itu satu kejutan, beliau berkata : "Saya mungkin berbohong jika saya katakan saya tidak mendengar ura-ura mengenainya kebekalangan ini. Saya diberitahu mengenainya baru-baru ini sebelum ia disahkan."

Ainum berkata beliau juga berbangga kerana menyertai wanita-wanita lain yang dilantik ke jawatan tinggi sejak kebelakangan ini termasuk Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz, yang dilantik Gabenor Bank Negara awal tahun ini.

Ketika ditanya sama pelantikan itu akan menjadi satu cabaran kepadanya sebagai seorang wanita, beliau berkata : "Saya rasa cabaran itu memang ada, baik seorang itu wanita atau lelaki. Tetapi saya berharap umum akan melihat saya sebagai seorang insan, hakikat bahawa saya seorang wanita adalah secara kebetulan...saya gembira jadi wanita."

Beliau juga ditanya mengenai reputasinya sebagai seorang pegawai yang tegas dalam SC dan di Jabatan Peguam Negara, dan sama ada kerana itu, beliau akan menjadi seorang Peguam Negara yang tegas.

"Saya fikir saya harus menjadi seorang yang bertimbang rasa. Seseorang yang tegas boleh juga menjadi seorang yang bertimbang rasa dan baik hati."

Dengan kuasanya sebagai Peguam Negara termasuk menetapkan siapa yang perlu didakwa atau tidak didakwa, bagaimana agaknya beliau melihat seorang Peguam Negara yang ideal?

"Selagi seorang Peguam Negara itu dilihat melaksanakan tugasnya demi keadilan, saya berpendapat itulah kelayakan seorang Peguam Negara," katanya.

Ketika ditanya mengenai kritikan terhadap Jabatan Peguam Negara sejak akhir-akhir ini, Ainum berkata kritikan seperti itu berdasarkan kepada persepsi dan terlalu awal bagi beliau untuk mengulas lanjut.

Beliau berkata Jabatan Peguam Negara telah melakukan yang terbaik dan persepsi negatif tidak dapat dielak seperti juga terhadap jabatan kerajaan yang lain.

Ainum berkata beliau tertunggu-tunggu untuk memulakan tugas barunya bersama dengan satu kumpulan pendakwa yang cekap.

Mereka termasuk Peguamcara Negara Datuk Heliliah Yusof, pegawai kedua

tertinggi di Jabatan Peguam Negara, yang merupakan sahabat dan rakan sekolahnya.

Satu lagi faktor baik untuknya ialah bahawa Presiden Majlis Peguam Sulaiman Abdullah adalah juga sahabat beliau yang merupakan penuntut setahun lebih senior daripada beliau di Universiti Singapura.

"Saya kenal baik isterinya dan saya berpendapat bahawa hubungan seperti ini akan membantu mengukuhkan hubungan dengan Majlis Peguam," katanya.

Kepada soalan sama ada Jabatan Peguam Negara kini akan menjadi lebih telus, Ainum berkata beliau akan cuba menjadi mudah dihubungi oleh media dan menjadi setelus-telusny.

Ainum berkata bahawa semasa di SC, beliau telah membantu mengukuhkan rangka kerja perundangan yang membolehkan urus tadbir korporat dan undang-undang korporat yang sedia ada menjadi lebih mantap.

"Ia proses sepanjang masa dan apabila saya berada di Jabatan Peguam Negara nanti, saya akan membawa sebahagian daripada kerja ini supaya saya dapat majukan lagi aspek ini," katanya.

Kepada satu soalan, Ainum berkata beliau berharap untuk melakukan sesuatu untuk menjadikan undang-undang berkaitan wanita lebih baik.

Beliau menyebut contoh nasib wanita Islam seperti yang dibangkitkan oleh beberapa pertubuhan wanita khususnya berhubung proses panjang untuk mendapatkan keadilan di Mahkamah Syariah.

"Ia bukan dalam bidang kuasa Peguam Negara tetapi jika ada apa-apa yang saya dapat membantu dalam masa lapang saya dan di luar skop tugas rasmi saya, saya pasti membantu," katanya.

-- BERNAMA

AU NZ MAI